

16 OCT 1997

CAP-matawang

CAP SOKONG SARANAN DR MAHATHIR UNTUK MENGAWAL PASARAN MATAWANG

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) hari ini menyatakan sokongan penuh terhadap cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya satu mekanisme diwujudkan untuk mengawal pasaran matawang.

Presiden CAP, S.M. Mohammed Idris pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang berkaitan seharusnya mempertimbangkan cadangan itu dengan serius dan Malaysia perlu memulakan kempen untuk mendapatkan sokongan dari seluruh dunia untuk menyokong cadangan itu.

"Para pemimpin negara-negara kaya dan pertubuhan antarabangsa perlu mengambil kira keperluan negara-negara membangun dan turut serta dalam reformasi sistem kewangan dunia dan memperbaiki kelemhannya," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Idris berkata Dr Mahathir wajar membangkitkan bahawa pasaran antarabangsa matawang asing tidak terkawal, tidak seperti sektor kewangan yang lain seperti perbankan dan pasaran saham.

Katanya disebabkan oleh pertumbuhan perdagangan secara elektronik dan ketiadaan kawalan, pasaran matawang telah bertumbuh pada kadar yang begitu pesat.

Idris berkata aliran matawang yang dipasarkan di dunia telah meningkat dengan pantas ke paras RM975 trilion (US\$325 trilion) pada tahun 1995 atau hampir RM3 bilion (US\$1 bilion) sehari.

"Jumlah yang terlibat terlalu besar sehinggakan kerajaan-kerajaan individu seperti United Kingdom, Thailand atau Malaysia tidak berdaya bertahan apabila matawang mereka diserang," katanya.

Beliau berkata cadangan Dr Mahathir adalah satu aplikasi mudah yang logik seperti juga kawalan ke atas pasaran komoditi, barangan dan perkhidmatan.

Tanpa mekanisme untuk menghalang salahguna dan manipulasi, tidak ada negara yang boleh elak dari risiko ketidakstabilan kewangan dan kerugian yang akhirnya menghalang pembangunan ekonomi. -- BERNAMA

MT WAT